

02 APR 2000

DR MAHATHIR LANCAR GRAND PRIX MOTOSIKAL DUNIA

SEPANG, 2 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Grand Prix Motosikal Dunia Malaysia 2000 di Litar Antarabangsa Sepang (SIC) di sini.

Majlis itu bermula dengan Dr Mahathir memukul gong di pentas khas berdekatan dengan litar grand stand.

Ini diikuti dengan paluan rebana dan pertunjukan perbarisan pancaragam.

Ini merupakan pusingan kedua GP Motosikal Dunia selepas diadakan di Afrika Selatan.

Sesi latihan kelayakan GP di litar sepanjang 5.542 kilometer diadakan pada Jumaat dan Sabtu.

Hari ini para pelumba akan bertanding dalam kategori 125 cc, 250 cc, dan 500 cc.

Grand Prix Malaysia bermula pada 1991 dan telah memainkan peranan besar dalam pembangunan dan mempromosikan lumba motosikal bukan hanya di Malaysia tetapi juga di seluruh rantau ini.

Berjuta-juta penduduk di seluruh dunia dijangka akan mengikuti perlumbaan di litar F1 Sepang ini.

-- BERNAMA

MAM RON